



EDISI 13

OKTOBER 2024

BULETIN APB

*Global
Education*

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN



Pengembara Digital

NURHIDAYAH NASHARUDIN
UiTM KAMPUS REMBAU

Ledakan digital pada masa kini membolehkan generasi muda mendapatkan pelbagai maklumat hanya di hujung jari. Sepantas satu hari, pelbagai maklumat seperti lokasi pelancongan, tempahan tiket penerbangan, insuran pengembara, jadual pengembalaan atau itinerary dapat disediakan sendiri dengan mengakses pelbagai laman web dan platform media sosial. Kelompok belia yang sangat suka cabaran telah mengambil peluang menerokai pengetahuan dan maklumat baharu dengan kecanggihan yang ada pada masa kini.

Pelancongan digital merujuk kepada penggunaan peralatan digital untuk mengatur, mengurus dan menikmati pengalaman perjalanan (Bernama, 2023). Kecanggihan peranti maklumat seperti telefon pintar, tablet dan komputer riba ditambah pula dengan aplikasi pelancongan seperti Agoda, Skyscanner, Klook, Traveloka dan lain-lain memberikan kemudahan terutama kepada generasi muda yang suka cabaran dalam menerokai peluang dan ruang yang lebih menjimatkan kos dengan kadar yang lebih rendah berbanding menggunakan khidmat agensi pelancongan. Walaubagaimanapun, generasi yang berusia lebih cenderung memilih agensi pelancongan yang menyediakan pakej-pakej dan jadual lebih teratur berbanding menerokai sendiri maklumat-maklumat yang sedia ada.




Industri pelancongan juga dilihat mengalami ledakan transformasi secara drastik di mana tempahan hotel meningkat menjelang cuti persekolahan, cuti umum dan didapati bahwa aliran trafik juga adalah lebih tinggi pada waktu-waktu berkenaan. Pengarah Serantau Google Cloud Indonesia dan Malaysia, Megawaty Khie berkata, carian mengenai "kad kredit pelancongan" dan "insurans pelancongan" di Malaysia masing-masing telah meningkat lebih 750 peratus dan lebih 250 peratus, manakala carian tentang "pelancongan perubatan" di negara ini juga meningkat lebih 60 peratus dan "visa nomad digital" bertambah kepada 350 peratus (Bernama, 2023).

Ini menunjukkan perkembangan positif dalam merancakkan industri pelancongan dan seterusnya dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Malaysia juga telah menerima seramai 1,185,050 pelancong dari China setakat Mei 2024 dengan peningkatan sebanyak 194 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu (KOSMO, 2024).

Aspek pendidikan kemahiran maklumat juga harus dititikberatkan melalui pengumpulan maklumat serta sumber yang sahih dan tepat. Kebanyakan institusi pengajian tinggi turut menawarkan subjek kemahiran maklumat perpustakaan yang dapat membantu mahasiswa menerokai maklumat-maklumat yang relevan dan dipercayai, termasuklah maklumat berkaitan dengan pengembalaan dan pelancongan.

Beberapa pemerhatian telah dibuat di platform media sosial berkaitan penggunaan teknologi digital sebagai alternatif pengumpulan maklumat oleh pengembara. Pertanyaan serta perkongsian seperti lokasi, tempat tarikan yang menarik serta perancangan perjalanan dilihat suatu perkembangan positif kepada pengembara. Antara kebaikan yang lain adalah seperti maklumat dapat dikumpulkan dengan cepat dan pantas, seterusnya disimpan sebagai rujukan ketika pengembaraan atau rujukan pada masa akan datang.

Gambar 1
Kemudahan teknologi dalam mengenal pasti lokasi



Nota. Facebook Page Backpackers Buddies Malaysia (BBM)

Secara kesimpulannya, digitalisasi sektor pelancongan dilihat sangat menyokong kepada perkembangan ekonomi sesebuah negara. Trend pengembaraan atau pelancongan kini beralih arah kepada secara digital. Apa yang pasti, pendidikan literasi maklumat sangat penting bagi memastikan maklumat yang diperolehi adalah tepat dan betul, tanpa mengenepikan aspek keselamatan ketika mengembara.

Rujukan

- Bernama (2023, Julai). *Perkhidmatan pelancongan digital catat peningkatan pengguna di bandar - Google Cloud*. <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/perkhidmatan-pelancongan-digital-catat-peningkatan-pengguna-di-bandar-google-cloud-430212>
- KOSMO (Ogos, 2024). *Hampir 1.2 juta pelancong China lawat Malaysia setakat Mei*. <https://www.kosmo.com.my/2024/08/04/hampir-1-2-juta-pelancong-china-lawat-malaysia-setakat-me/>